

PENJODOH BILANGAN

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat berikut.

1 Untuk memagari kebunnya, Pak Cik Rashid telah membeli beratus-ratus _____ kawat berduri.

- A utas
- B gulung
- C gelung
- D bidang

2 _____ bunga kenanga terselit pada sanggul Sofia

- A Sejambak
- B Sekuntum
- C Sejambangan
- D Sebatang

3 Sapu tangan itu dijahit dengan se _____ benang.

- A utas
- B untai
- C gulung
- D lembar

4 Masukkan se _____ garam ke dalam lauk itu,. kata Mak Cik Salmah kepada Jamilah.

- A cuit
- B cubit
- C colet
- D genggam

5 _____ awan mendung berarak ditiup angin ke arah utara.

- A Segugus
- B Sekelompok
- C Sehamparan
- D Sekumpulan

6 Beberapa _____ pulau yang indah terdapat di Phuket, Thailand.

- A kelompok
- Bompok
- C buah
- D biji

7 Se _____ kata pun tidak tertulis walaupun sudah dua jam dia menghadap meja tulisnya.

- A patah
- B potong
- C cebis
- D untai

8 Ayah membeli dua _____ durian di pasar.

- A biji
- B ulas
- C buah
- D buku

9 Kakak menggunakan se _____ kain sebagai pembalut luka pada jarinya.

- A cebis
- B bentuk
- C lembar
- D cucuk

10 Polis melepaskan lima _____ tembakan ke arah perompak itu.

- A butir
- B das
- C biji
- D pucuk

11 Buku itu berharga dua belas ringgit se _____.

- A papan
- B keping
- C naskhah
- D rangkap

12 Beliau memulakan ucapannya dengan se _____ pantun.

- A baris
- B patah
- C rangkap
- D buah

13 Ayah membeli dua _____ petai di gerai itu.

- A gelung
- B papan
- C mata
- D biji

14 Beberapa _____ rokok bertaburan di lantai.

- A puntung
- B berkas
- C kotak
- D pucuk

15 Mazirah membeli sebatang tebu dan memotongnya agar setiap adiknya mendapat _____.

- A sebijl
- B seruas
- C sehiris
- D seketul

16 Pak Cik Yusof mempunyai beberapa _____ rumah sewa di Kampung Sungai Kota.

- A pintu
- B papan
- C bidang
- D rangkai

17 Pemuda itu telah menjumpai _____ kunci sewaktu dalam perjalanan ke perhentian bas.

- A seutas
- B sebilah
- C sejambak
- D serumpun

18 Beberapa _____ mutiara diletakkan pada kalung emas itu untuk mencantikkannya.

- A ulas
- B butir
- C keping
- D potong

19 Ayah memasukkan _____ filem ke dalam kameranya.

- A segulung
- B segelung
- C sekajang
- D sebuah

20 Pemuda itu membeli _____ surat khabar mingguan di kedai Ali.

- A sekeping
- B selebar
- C senaskhah
- D sehelai